

	GARIS PANDUAN KEMASUKAN MELALUI HASIL KERJA DITERBITKAN KE PROGRAM DOKTOR FALSAFAH SECARA PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYA			
	NO. DOKUMEN	IPS 631/2017	TARIKH KUATKUASA	29.09.2017
NO. SEMAKAN	03	HALAMAN	1/11	

1. PENDAHULUAN

Program pengajian ini diklasifikasikan sebagai program Doktor Falsafah secara Penyelidikan bagi mod pelaksanaan **melalui hasil kerja diterbitkan** di mana program ini dilaksanakan melalui penyerahan tesis yang mengandungi karya-karya yang diterbitkan dan dokumen tambahan lain yang mengintegrasikan kerja tersebut.

2. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada Pentadbir Pusat dan Pentadbir PTj dalam proses pengurusan program Doktor Falsafah secara Penyelidikan bagi mod pelaksanaan **melalui hasil kerja diterbitkan**. Ia juga bertujuan untuk menjamin kualiti atau keselarasan proses di setiap PTj.


Garis panduan ini adalah terpakai kepada calon program Doktor Falsafah secara Penyelidikan bagi mod pelaksanaan **melalui hasil kerja diterbitkan** Universiti Malaya.

3. SKOP

Garis panduan ini merangkumi kriteria, piawaian, prosedur dan tatacara permohonan, kemasukan, penawaran, pelaksanaan, peperiksaan dan pengurusan calon program Doktor Falsafah secara Penyelidikan bagi mod pelaksanaan **melalui hasil kerja diterbitkan** Universiti Malaya.

4. DOKUMEN RUJUKAN

- (1) Kaedah dan Peraturan (Ijazah Kedoktoran) (versi terkini)
- (2) **Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran MQA (versi terkini)**
- (3) Garis Panduan Penyediaan Projek Penyelidikan, Disertasi dan Tesis (versi terkini)
- (4) Arahan Kerja Pengendalian Peperiksaan Tesis/Disertasi bagi Calon Program Kedoktoran dan Sarjana (**versi terkini**)
- (5) Polisi Penyeliaan Calon Ijazah Tinggi (versi terkini)

	GARIS PANDUAN KEMASUKAN MELALUI HASIL KERJA DITERBITKAN KE PROGRAM DOKTOR FALSAFAH SECARA PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYA			
	NO. DOKUMEN	IPS 631/2017	TARIKH KUATKUASA	29.09.2017
NO. SEMAKAN	03	HALAMAN	2/11	

5. DAFTAR KATA

(1) Definisi

Program Doktor Falsafah secara Penyelidikan bagi mod pelaksanaan melalui hasil kerja diterbitkan merujuk kepada laluan kemasukan bagi calon yang telah menerbitkan karya-karya berimpak tinggi dan tidak mengikuti laluan akademik konvensional ke arah Doktor Falsafah untuk mendapatkan pengiktirafan akademik Ijazah Doktor Falsafah secara Penyelidikan bagi mod pelaksanaan melalui hasil kerja diterbitkan.

Pengarang Utama merujuk kepada pengarang yang membuat sumbangan paling substantif kepada manuskrip akhir yang dihantar. Pengarang Utama lazimnya merupakan pengarang pertama dan/atau *corresponding author*.

(2) Singkatan

IPS	Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya
PTj	Pusat Tanggungjawab, Universiti Malaya
Universiti	Universiti Malaya
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia

6. PROSEDUR PENAWARAN DAN SYARAT

(1) Prosedur Penawaran

Proses penawaran, pelaksanaan dan pengendalian program Doktor Falsafah secara Penyelidikan bagi mod pelaksanaan melalui hasil kerja diterbitkan hendaklah mematuhi Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan (Ijazah Kedoktoran) (versi terkini) dan Garis Panduan Penyediaan Projek Penyelidikan, Disertasi dan Tesis (versi terkini).

	GARIS PANDUAN KEMASUKAN MELALUI HASIL KERJA DITERBITKAN KE PROGRAM DOKTOR FALSAFAH SECARA PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYA			
	NO. DOKUMEN	IPS 631/2017	TARIKH KUATKUASA	29.09.2017
NO. SEMAKAN	03	HALAMAN	3/11	

(2) Syarat Kemasukan


Pemohon **WAJIB** mempunyai penerbitan yang menyumbang kepada keserjanaan ilmu dalam bidang yang diakui oleh kalangan akademik.

- (a) Syarat kemasukan ke program Doktor Falsafah secara Penyelidikan bagi mod pelaksanaan **melalui hasil kerja diterbitkan** adalah seperti berikut:
- (i) Profesor, Profesor Madya, **Pensyarah Kanan** atau Pensyarah yang pada masa permohonannya untuk kemasukan sebagai pemohon telah mempunyai tidak kurang daripada tiga (3) tahun perkhidmatan sebagai guru Universiti dan yang aktif dalam perkhidmatan Universiti; atau
 - (ii) Graduan dari Universiti Malaya dengan syarat kelayakan akademik yang terpakai oleh Universiti serta mengikut Kaedah dan Peraturan semasa; atau
 - (iii) Pemohon yang mempunyai penerbitan dan menyumbang kepada keserjanaan (*scholar*) pengetahuan dalam bidang berkenaan **yang telah diiktiraf di kalangan ahli akademik dalam bidang kepakarannya dan diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian Permohonan.**
- (b) Calon **TIDAK** boleh mempunyai **apa-apa** kelayakan Ijazah Kedoktoran dari **Universiti atau universiti lain** dalam bidang penyelidikan yang sama.


(3) Syarat Permohonan

Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan bertulis kepada Dekan IPS beserta dokumen-dokumen berikut:

- (a) *Curriculum vitae*;
- (b) Senarai terperinci kerja yang diterbitkan bersama abstrak termasuklah:

	GARIS PANDUAN KEMASUKAN MELALUI HASIL KERJA DITERBITKAN KE PROGRAM DOKTOR FALSAFAH SECARA PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYA			
	NO. DOKUMEN	IPS 631/2017	TARIKH KUATKUASA	29.09.2017
NO. SEMAKAN	03	HALAMAN	4/11	

- (i) Hasil kerja diterbitkan wajib merangkumi jurnal berimpak faktor tinggi, monograf, buku, bab buku daripada hasil penyelidikan, penerbitan elektronik berimpak dan berkualiti tinggi, kerja kreatif, artifak dalam bidang berkenaan.
 - (ii) Senarai penerbitan yang boleh diterima dalam bidang sains adalah merupakan penerbitan yang diindeks dalam *Web of Science (WoS)*, manakala senarai penerbitan yang boleh diterima dalam bidang bukan sains adalah penerbitan yang diindeks dalam *Web of Science (WoS)* atau *Scopus* atau *Malaysian Citation Index (MyCite)* atau Penerbit Universiti Malaya atau Dewan Bahasa dan Pustaka atau mana-mana penerbit yang diiktiraf dan disenaraikan oleh PTj.
 - (iii) Penerbitan dalam bentuk *Review* tidak boleh diterima.
 - (iv) Hasil kerja yang diterbitkan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya **lima (5) penerbitan** yang saling berkait dan sejajar dengan tema kepakaran dalam tempoh tidak melebihi 10 tahun dari tarikh permohonan.
 - (v) Pemohon hendaklah menjadi **Pengarang Utama** untuk sekurang-kurangnya lima (5) daripada hasil kerja yang diterbitkan tersebut.
- (c) Sekurang-kurangnya lima (5) **hasil** kerja yang diterbitkan yang didahului dengan ringkasan kritikal mengenai kerja berkenaan **lebih kurang** 3,000 patah perkataan. Ringkasan kritikal ini perlu merangkumi perkara berikut:
- (i) memberi konteks/gambaran/kandungan kepada kertas kerja yang diterbitkan;
 - (ii) menunjukkan hubung kait dengan kerangka penyelidikan;
 - (iii) memberi sumbangan yang penting kepada pengetahuan di dalam disiplin; dan
 - (iv) menyatakan metodologi penyelidikan yang digunakan; dan

	GARIS PANDUAN KEMASUKAN MELALUI HASIL KERJA DITERBITKAN KE PROGRAM DOKTOR FALSAFAH SECARA PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYA			
	NO. DOKUMEN	IPS 631/2017	TARIKH KUATKUASA	29.09.2017
NO. SEMAKAN	03	HALAMAN	5/11	

- (d) **perakuan dan bukti keaslian hasil kerja yang diterbitkan daripada pengarang bersama.**

(4) Bayaran Wang Proses

Kadar wang proses adalah seperti berikut:

- (a) Warganegara : RM100.00
- (b) Bukan warganegara : USD100

Permohonan tidak akan diproses sekiranya pemohon tidak membuat pembayaran wang proses.


(5) Penilaian Permohonan

- (a) **Jawatankuasa Penilaian Permohonan** hendaklah ditubuhkan oleh PTj untuk menyemak permohonan dan mengesyorkan kepada Senat kemasukan calon.

- (b) **Keanggotaan Jawatankuasa** hendaklah terdiri daripada berikut:

- (i) Dekan sebagai Pengerusi **atau wakilnya terdiri daripada mana-mana staf akademik bertaraf Profesor;**
- (ii) Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi);
- (iii) Ketua Jabatan **atau** Penyelaras Program **yang** berkenaan; dan
- (iv) Seorang staf akademik yang kanan dalam bidang berkenaan.

- (c) Korum untuk **Jawatankuasa Penilaian Permohonan** hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) termasuk Pengerusi.

	GARIS PANDUAN KEMASUKAN MELALUI HASIL KERJA DITERBITKAN KE PROGRAM DOKTOR FALSAFAH SECARA PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYA			
	NO. DOKUMEN	IPS 631/2017	TARIKH KUATKUASA	29.09.2017
NO. SEMAKAN	03	HALAMAN	6/11	

(d) Jawatankuasa Penilaian Permohonan hendaklah:

- (i) menilai kualiti dan kekoherenan (kesinambungan dan pertautan) bagi kertas kerja yang diterbitkan;
- (ii) mengesahkan/memastikan sumbangan dan idea pemohon sama ada kertas kerja yang diterbitkan memenuhi kriteria untuk penganugerahan ijazah; dan
- (iii) Membuat perakuan permohonan untuk kelulusan PTj.

(e) Pemohon boleh diminta untuk menghadiri temuduga dengan **Jawatankuasa Penilaian Permohonan** sekiranya diperlukan.

(f) Sekiranya Fakulti meluluskan permohonan tersebut berdasarkan perakuan daripada **Jawatankuasa Penilaian Permohonan**, Fakulti hendaklah melantik penyelia dan mengemukakan maklumat kepada IPS untuk pengeluaran surat tawaran.


(6) Pendaftaran

Calon hendaklah mendaftar enam (6) bulan daripada tarikh pengeluaran surat tawaran. Calon juga hendaklah memperbaharui pencalonan tidak lewat daripada tujuh (7) minggu daripada tarikh permulaan semester berkenaan.

(7) Tempoh pengajian

Tempoh pengajian calon Doktor Falsafah secara Penyelidikan bagi mod pelaksanaan **melalui hasil kerja diterbitkan** adalah seperti berikut:

- (a) Tempoh minimum : 6 bulan
- (b) Tempoh maksimum : 24 bulan


	GARIS PANDUAN KEMASUKAN MELALUI HASIL KERJA DITERBITKAN KE PROGRAM DOKTOR FALSAFAH SECARA PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYA			
	NO. DOKUMEN	IPS 631/2017	TARIKH KUATKUASA	29.09.2017
NO. SEMAKAN	03	HALAMAN	7/11	

(8) Syarat Pencalonan

- (a) Calon hendaklah bermastautin di Malaysia untuk tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan.
- (b) Calon dengan kelulusan Fakulti, boleh dianggap telah memenuhi syarat bermastautin sekiranya telah menjalani perkara berikut:
 - i) mengikuti dan lulus Kursus Metodologi Penyelidikan; dan
 - ii) membentang dalam Seminar Tesis sebelum penyerahan tesis untuk peperiksaan.
- (c) Calon bukan warganegara dikehendaki memenuhi syarat bahasa seperti yang ditetapkan di dalam Kaedah dan Peraturan semasa.
- (d) Calon dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan tesis secara talian (*online*) kepada Penyelia.
- (e) Calon dikehendaki menyerahkan kerja yang diterbitkan dalam bentuk tesis mengikut format yang ditetapkan oleh Universiti untuk tujuan peperiksaan.

(9) Penyeliaan


- (a) Sekurang-kurangnya seorang penyelia dalam bidang berkenaan akan dilantik untuk calon.
- (b) Peranan Penyelia adalah untuk:
 - (i) Membimbing calon dalam memilih hasil kerja diterbitkan untuk penyerahan;
 - (ii) Membimbing calon dalam penyediaan satu tesis yang koheren (kesinambungan dan pertautan) dengan tema pengkhususan; dan
 - (iii) Menasihati calon mengenai apa-apa latihan penyelidikan yang diperlukan.

	GARIS PANDUAN KEMASUKAN MELALUI HASIL KERJA DITERBITKAN KE PROGRAM DOKTOR FALSAFAH SECARA PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYA			
	NO. DOKUMEN	IPS 631/2017	TARIKH KUATKUASA	29.09.2017
NO. SEMAKAN	03	HALAMAN	8/11	


(c) Kriteria pelantikan hendaklah merujuk kepada Polisi Penyeliaan Calon Ijazah Tinggi.

(10) Format Penulisan tesis

- (a) Tesis hendaklah ditulis dalam format kertas kerja yang diterbitkan. Tesis hendaklah mengandungi hasil kerja diterbitkan wajib merangkumi jurnal berimpak faktor tinggi, monograf, buku, bab buku daripada hasil penyelidikan, penerbitan elektronik berimpak dan berkualiti tinggi, kerja kreatif, artifak dalam bidang berkenaan. Penerbitan yang pernah dikemukakan untuk penganugerahan ijazah lain tidak boleh digunapakai.
- (b) Tesis hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya enam (6) hasil kerja yang diterbitkan yang saling berkait dan sejajar dengan tema kepakaran dalam tempoh tidak melebihi 10 tahun dari tarikh penyerahan tesis untuk peperiksaan dan sekurang-kurangnya 1 kerja yang diterbitkan perlu dihasilkan dalam tempoh pengajian bersama dengan penyelia.
- (c) Calon hendaklah menjadi **Pengarang Utama** untuk sekurang-kurangnya lima (5) daripada kerja yang diterbitkan tersebut.
- (d) Tesis dalam format kerja yang diterbitkan hendaklah mengandungi perkara berikut:
- (i) **Abstrak** mengenai penemuan penyelidikan utama setiap kerja yang diterbitkan, ia harus menjelaskan bagaimana kerja yang diterbitkan tersebut disepadukan sebagai satu kerangka intelektual yang, dapat menyumbang kepada ilmu pengetahuan dalam bidang berkenaan.
 - (ii) Bab **Pengenalan** yang mengandungi:
 - A. Huraian mengenai masalah penyelidikan yang dikaji;
 - B. Objektif kajian; dan

	GARIS PANDUAN KEMASUKAN MELALUI HASIL KERJA DITERBITKAN KE PROGRAM DOKTOR FALSAFAH SECARA PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYA		
	NO. DOKUMEN	IPS 631/2017	TARIKH KUATKUASA
NO. SEMAKAN	03	HALAMAN	9/11

- C. Penerangan tentang perkembangan penyelidikan yang menghubungkan kerja yang diterbitkan serta penemuan utama daripada setiap hasil kerja diterbitkan. **Ia wajib menerangkan bagaimana hasil kerja diterbitkan sebagai satu kerangka intelektual yang dapat menyumbang kepada ilmu pengetahuan dalam bidang berkenaan.**
- iii) Bab **Tinjauan Literatur**. Selaras dengan disiplin berkenaan, bab ini perlu mengandungi kajian kritikal literatur yang berkaitan dalam mengenal pasti jurang dalam pengetahuan (*knowledge gaps*) serta hubungkait antara literatur dengan program penyelidikan;
- iv) Bab **Metodologi** (jika berkenaan);
- v) **Kerja-kerja yang diterbitkan** dalam bentuk asal seperti mana ia telah diterbitkan/diterima untuk penerbitan. Kandungan penerbitan tersebut tidak perlu ditaip semula dan tidak perlu diselaraskan mengikut format yang ditetapkan oleh Universiti. **Setiap kerja yang diterbitkan wajib dimulai dengan pernyataan jelas akan sumbangan setiap pengarang bagi hasil kerja diterbitkan bersama, perakuan oleh pengarang bersama dan bukti keaslian.**
- vi) Bab **Perbincangan** yang memaparkan kesan kumulatif kerja yang diterbitkan, penemuan yang signifikan dan sumbangan kepada ilmu berkenaan;
- vii) Bab **Kesimpulan** yang merumuskan dapatan daripada kesemua kerja yang diterbitkan dan mencadangkan hala tuju bagi penyelidikan tersebut;
- viii) Bab **Rujukan** yang menyenaraikan semua rujukan bagi bab Pengenalan, Tinjauan Literatur, Metodologi, Perbincangan dan Kesimpulan sahaja;
- (e) Had patah perkataan bagi tesis hendaklah tidak melebihi 100,000 patah perkataan termasuk hasil kerja yang diterbitkan. Had patah perkataan maksimum tersebut **tidak** mengambil kira yang berikut:
- (i) Kerja-kerja yang diterbitkan dalam bab utama;
- (ii) Nota kaki atau nota hujung, rujukan, lampiran, jadual dan rajah; dan

	GARIS PANDUAN KEMASUKAN MELALUI HASIL KERJA DITERBITKAN KE PROGRAM DOKTOR FALSAFAH SECARA PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYA			
	NO. DOKUMEN	IPS 631/2017	TARIKH KUATKUASA	29.09.2017
NO. SEMAKAN	03	HALAMAN	10/11	


(iii) Pengeluaran semula ataupun terjemahan daripada sebarang teks. Ulasan atau kritik yang dibuat oleh calon mengenainya hendaklah tertakluk kepada had patah perkataan tersebut.

(11) Peperiksaan

Proses dan prosedur peperiksaan tesis adalah seperti termaktub dalam Kaedah dan Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) versi terkini kecuali berikut:

(a) Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah setelah mempertimbang laporan pemeriksa, tesis calon dan peperiksaan *viva voce* (peperiksaan lisan), memutuskan dan memperakukan kepada Senat sama ada calon tersebut:

- (i) dianugerahkan Ijazah Kedoktoran dan Tesis Cemerlang tertakluk kepada syarat yang ditetapkan;
- (ii) telah mencapai merit akademik yang cukup untuk dianugerahkan Ijazah tanpa perlu membuat pindaan/pembetulan;
- (iii) telah mencapai merit akademik yang cukup untuk dianugerahkan ijazah tertakluk kepada calon membuat pembetulan minor seperti mana disarankan oleh Jawatankuasa Pemeriksa, dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan dan disahkan oleh Penyelia;
- (iv) telah mencapai merit akademik yang cukup untuk dianugerahkan ijazah tertakluk kepada beliau membuat pembetulan major seperti mana disarankan oleh Jawatankuasa Pemeriksa, dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dan disahkan oleh Penyelia dan Pemeriksa Dalam;
- (v) tidak mencapai merit akademik dan diperakukan kepada Senat bahawa calon telah gagal dalam peperiksaan tesis.

	GARIS PANDUAN KEMASUKAN MELALUI HASIL KERJA DITERBITKAN KE PROGRAM DOKTOR FALSAFAH SECARA PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYA			
	NO. DOKUMEN	IPS 631/2017	TARIKH KUATKUASA	29.09.2017
NO. SEMAKAN	03	HALAMAN	11/11	

(b) Tesis layak dianugerahkan sebagai cemerlang sekiranya:

- (i) Diperakukan cemerlang oleh Jawatankuasa Pemeriksa berdasarkan laporan pemeriksa; dan
- (ii) Disempurnakan dan diserahkan untuk peperiksaan dalam tempoh tidak melebihi **12 bulan** dari tarikh permulaan pendaftaran calon berkenaan.

7. PENUTUP

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada Pentadbir Pusat dan Pentadbir PTj dalam proses pengurusan calon Doktor Falsafah secara penyelidikan bagi **melalui hasil kerja diterbitkan**. Ia juga bertujuan untuk menjamin kualiti atau keselarasan proses di setiap PTj. Ia juga pada masa yang sama bertujuan untuk memastikan bahawa pelaksanaan pengurusan calon Doktor Falsafah secara **melalui hasil kerja diterbitkan** ini mempunyai kualiti yang tinggi. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran MQA (versi terkini), Kaedah dan Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) (versi terkini) dan Polisi Penyeliaan Calon Ijazah Tinggi (versi terkini).

Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

Diluluskan oleh Senat pada 28.09.2017